

Retorik YB Dato' Mursyid Diraja Dr Juanda Jaya dalam Buku 5 Tahun Juanda Jaya

Mohamad Nik Mat Pelet^{1*}, Norita Harijaman², Juliana Damsik³, Nurul Nadia
Samud⁴, Adib Zakwan Al Qayyum Shahbuddin⁵

^{1,2,3,4,5}*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia*

ARTICLE INFO

Article history:

Received 28 January 2026
Revised 26 February 2026
Accepted 1 March 2026
Online first
Published 15 March 2026

Kata kunci:

retorik
Teori Retorik Moden
Buku 5 Tahun Juanda Jaya
ADUN

DOI:

10.24191/ejssh.v10i1.10559

ABSTRACT

Retorik berperanan penting dalam menyampaikan sesuatu mesej agar dapat difahami, diyakini dan peraku oleh pembaca sama ada penyampaian secara lisan mahupun bertulis serta bersifat komprehensif. Pemilihan retorik yang digunakan juga mampu menghasilkan wacana yang berseni dan berkesan, di samping menekankan aspek-aspek seperti kesantunan, keterampilan dan pengaplikasian bahasa yang baik. Dalam pada itu, teknik penulisan adalah antara perkara penting dalam sesuatu karya seperti buku bagi memastikan mesej penting mampu disampaikan dengan menggunakan pelbagai jenis retorik yang sesuai dan relevan agar tidak memberi kesan pemahaman yang menyimpang antara pembaca atau pendengar. Kurangnya pendedahan kepada bidang retorik juga antara penyebab sebilangan masyarakat salah tafsir terhadap kandungan atau ungkapan yang dizahirkan oleh seseorang. Justeru, kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan serta penerapan jenis-jenis retorik dalam buku berkaitan pencapaian seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) negeri Sarawak di kawasan pentadbirannya iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN) N.44 Jemoreng. Teori yang mendasari kajian ini adalah teori Retorik Moden yang diperkenalkan oleh Enos dan Brown (1993) bagi tujuan mengenal pasti dan menganalisis penggunaan jenis retorik dalam buku tersebut. Kajian berteraskan pendekatan kualitatif berbentuk deskriptif ini turut mengaplikasikan kaedah pengumpulan data melalui kaedah analisis dokumen terhadap buku yang bertajuk 5 Tahun Juanda Jaya. Buku ini mengandungi sembilan bab dengan ketebalan sebanyak 349 muka surat. Berdasarkan dapatan kajian, buku 5 Tahun Juanda Jaya ini telah memanfaatkan bidang retorik sebagai langkah utama untuk menyampaikan maklumat dengan mengaplikasikan beberapa jenis retorik seperti retorik penerangan, pendedahan dan penghujahan. Dalam pada itu, retorik yang diaplikasikan bukan sahaja melibatkan retorik dalam bentuk penulisan malah penyampaian melalui gambar juga menunjukkan kepelbagaian jenis retorik yang digunakan. Kesimpulannya, penyampaian mesej atau butiran yang hendak disampaikan bergantung pada pemilihan jenis retorik untuk memastikan kejelasan dan keberkesanan maklumat kepada sasaran dan tidak hanta tertakut kepada retorik

^{1*} Corresponding author. *E-mail address:* nikmat@uitm.edu.my

berbentuk penulisan ayat atau ujaran lisan, namun retorik juga mampi diungkap melalui kepingan gambar sebagaimana dapatan kajian yang dibincangkan dalam makalah ini.

1. PENGENALAN

Retorik merupakan seni berkomunikasi yang digunakan untuk mempengaruhi, meyakinkan, atau memikat pendengar melalui penggunaan bahasa yang berkesan. Retorik yang berkesan juga dapat membentuk persepsi kepada individu yang mengungkapkannya. Justeru, retorik sering diaplikasikan dalam pelbagai konteks seperti pidato, pentas politik, penulisan akademik mahupun sastera termasuklah pengiklanan. Penerapan retorik dalam sesuatu penulisan mampu memberi kesan terhadap nilai mesej yang ingin disampaikan. Dalam pada itu, penggunaan retorik yang efektif memerlukan seorang penulis yang bijak dalam memilih kata-kata atau perkataan, menyusun hujah secara logik, serta menggunakan gaya bahasa yang menarik untuk menyampaikan mesej dengan berkesan. Menurut Julaina dan Nurfatihah (2024), retorik merupakan satu alat komunikasi yang signifikan dalam menyampaikan mesej yang berkesan di samping menambah warna-warni dalam sesuatu penulisan atau pengucapan. Maka, retorik secara tidak langsung memberi impak dalam sesebuah komunikasi agar kepercayaan dan keyakinan terhadap perkara yang disampaikan.

Dalam dunia politik, retorik merupakan alat utama untuk ahli politik atau parti politik membina tembok kepercayaan di samping mendapatkan sokongan rakyat. Kejayaan seseorang ahli politik memancing kepercayaan perlu mempelbagaikan penggunaan jenis retorik lebih-lebih lagi, masyarakat dari pelbagai latar belakang dan pendidikan. Penguasaan retorik sangat penting dalam memastikan setiap ahli politik mampu menyampaikan mesej dengan jelas dan dapat difahami agar sokongan rakyat terus kukuh. Pemimpin yang berkemahiran dalam mempraktikkan retorik mampu menyentuh emosi pendengar, menyampaikan visi yang jelas, serta menggambarkan masalah dan penyelesaiannya dengan penuh keyakinan. Menurut Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma (2016), retorik bukan sahaja membentuk sikap manusia melalui bahasa, malah menyelaraskan tindakan sosial melalui pengaruh sekali gus meyakinkan masyarakat tentang mesej yang disampaikan.

Walau bagaimanapun, retorik juga boleh disalahgunakan dalam sesuatu keadaan yang membolehkan seseorang memanipulasi fakta atau menutup kebenaran yang ingin disampaikan. Lantas, dalam keadaan tersebut retorik bukan lagi menjadi alat untuk menyampaikan kebenaran, tetapi menjadi helah untuk memperdaya pendengar atau penyokong. Oleh itu, penelitian yang kritis perlu dilakukan terhadap segala bentuk mesej yang disampaikan sebelum menerima retorik yang digunakan agar tidak terpengaruh dengan kata yang indah tetapi tidak berlandaskan fakta dan realiti. Menurut Dewi dan Haziq (2021), retorik berperanan sebagai batu loncatan untuk meyakinkan dan meningkatkan tahap keberkesanan dalam sesebuah penyampaian wacana yang bukan sahaja mempengaruhi fikiran dan emosi termasuklah hubungan sosial yang terbentuk akibat daripada kepercayaan yang didorong oleh retorik.

Kajian retorik berkaitan buku kejayaan seseorang ahli politik agak jarang dilakukan berbanding dengan kajian dalam makalah penyelidikan, media cetak, blog atau ucapan seperti kajian Najihah, Noor Saadah dan Mohamad Nik Mat (2025), Farah Hanini dan Lee Ai Chat (2025), Zamimah (2015), Mohd Syafiq dan Yabit (2023), Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma (2016), Khairul dan Asyura (2024) dan sebagainya. Malah, kajian yang memfokuskan kepada retorik berasaskan gambar juga masih kurang dilakukan sehingga mendorong kajian ini untuk dilaksanakan. Justeru, kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti dan (ii) menganalisis jenis retorik yang terdapat dalam buku 5 Tahun Juanda Jaya dengan menggunakan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993).

1.1 Retorik dalam politik

Retorik dizahirkan dalam kepelbagaian bidang bagi tujuan tertentu seperti memujuk, mendedah, menceritakan, memerihal dan sebagainya. Retorik juga sangat sinonim dengan bidang politik yang merujuk kepada penggunaan bahasa secara strategik oleh ahli politik untuk mempengaruhi pemikiran, sikap dan tindakan khalayak dalam ruang awam. Justeru, strategi sangat diperlukan oleh seorang ahli politik untuk memastikan maklumat yang disampaikan, manifesto yang dokemukakan bukan sahaja difahami malah diterima oleh rakyat. Lantas, kajian yang dilakukan bagi tujuan (i) mengenal pasti dan (ii) menganalisis jenis-jenis retorik yang digunakan bagi membuktikan elemen retorik ini sangat relevan dengan bidang politik. Dari sudut latar belakang, retorik politik berakar daripada tradisi klasik Yunani yang melihat bahasa sebagai instrumen kuasa dan pemujakan dalam sistem demokrasi awal. Aristotle menegaskan bahawa keberkesanan retorik politik bergantung pada keseimbangan antara ethos, pathos dan logos, iaitu kredibiliti pemimpin, sentuhan emosi rakyat dan kekuatan hujah yang rasional.

Selain itu, retorik bukan sahaja menjadi alat komunikasi, malah berfungsi sebagai mekanisme pembinaan legitimasi, identiti nasional dan sokongan ideologi. Di rantau nusantara dan khususnya dalam konteks politik, retorik sering disampaikan melalui bahasa yang bersifat kiasan, berlapis dan sarat dengan nilai kesantunan, sejajar dengan budaya masyarakat yang menitikberatkan keharmonian dan hierarki sosial. Ucapan pemimpin, manifesto parti dan wacana parlimen memanfaatkan unsur retorik seperti pengulangan, simbolisme, metafora dan naratif sejarah untuk membina kepercayaan serta mengukuhkan hubungan emosi dengan rakyat. Oleh itu, latar belakang retorik dalam politik menunjukkan bahawa bahasa bukan sekadar medium penyampaian dasar, tetapi merupakan alat ideologi yang mencerminkan struktur kuasa, nilai budaya dan aspirasi masyarakat dalam sesebuah sistem politik.

Antara lain, retorik dalam politik memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi awam terhadap kepimpinan, dasar dan hala tuju negara. Retorik yang berkesan mampu menyederhanakan isu kompleks kepada naratif yang mudah difahami, sekali gus meningkatkan penglibatan politik rakyat. Dalam konteks demokrasi, retorik politik berfungsi sebagai jambatan antara pemerintah dan rakyat, membolehkan proses dialog, perdebatan dan rundingan berlaku secara terbuka. Namun demikian, kesan retorik politik bersifat dwiarah. Retorik yang beretika dan bertanggungjawab dapat memperkukuh kepercayaan awam, menyemai nilai perpaduan dan menggalakkan wacana rasional, manakala retorik yang bersifat manipulatif berpotensi mengeksploitasi emosi, menimbulkan polarisasi serta melemahkan keupayaan rakyat untuk berfikir secara kritis. Dalam era media digital, kesan retorik dalam bidang politik menjadi semakin kompleks kerana mesej politik disebarkan secara pantas melalui media sosial, sering kali disalah tafsir akibat daripada tiada tapisan dan konteks yang jelas. Keadaan ini menjadikan analisis retorik sebagai satu keperluan kritikal bagi memahami bagaimana bahasa digunakan untuk membentuk agenda, mengawal naratif dan mempengaruhi tingkah laku pengundi. Secara keseluruhannya, retorik dalam politik bukan sahaja mencerminkan kemahiran komunikasi pemimpin, tetapi turut memberi kesan langsung terhadap kestabilan politik, kualiti demokrasi dan pembinaan kesedaran politik dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, pemahaman mendalam terhadap latar belakang, kepentingan dan kesan retorik politik amat penting bagi memastikan bahasa politik dimanfaatkan sebagai alat pemeraksanaan rakyat, bukannya sebagai instrumen manipulasi kuasa.

2. KAJIAN LITERATUR

Oleh kerana kajian ini menganalisis kandungan buku ahli politik, maka perbincangan berkaitan kajian lepas merangkumi aspek ucapan politik dan kajian berteraskan analisis kandungan. Ucapan merupakan salah satu medium komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan maklumat bagi tujuan pendidikan, pemberitahuan, politik, motivasi, pembinaan keyakinan serta hiburan kepada khalayak. Ucapan turut ditakrifkan sebagai bentuk komunikasi sehalu yang merangkumi penyampaian idea melalui unsur lisan dan bukan lisan. Penyampaian ucapan lazimnya bergantung pada tujuan tertentu dan disusun berasaskan tema

yang dipilih. Empat elemen utama dalam ucapan merangkumi aspek gaya dan bahasa, pengolahan idea, kredibiliti pengucap serta isi atau gagasan yang ingin disampaikan (Izzat Amin Bin Mohd Nasir dan Raihan Binti Ahmad, 2022). Selain itu, ucapan sering dikaitkan dengan penggunaan retorik sebagai kaedah komunikasi berkesan untuk menyalurkan idea, emosi, sikap dan fakta, di samping keupayaan pengucap memanipulasi penyampaian berdasarkan kemahiran, kelebihan dan gaya tersendiri (Nurul Nadiah Zamri dan Zulkefli Ain, 2021). Ucapan merupakan elemen yang sering dikaitkan dengan retorik kerana dalam usaha menyampaikan dan meyakinkan seseorang dengan maklumat, gaya pengucapannya iaitu retorik memainkan peranan yang sangat penting.

Ucapan juga boleh dilihat sebagai gabungan pemikiran dan idea yang diterjemahkan melalui bahasa bagi memastikan kefahaman pendengar. Keberkesanan ucapan banyak bergantung kepada penggunaan lakuan bahasa yang tepat dan berkesan (Aminuddin Saimon et al., 2021). Kemahiran komunikasi amat penting memandangkan manusia merupakan makhluk sosial yang memerlukan interaksi untuk melengkapkan kehidupan seharian. Hampir keseluruhan aktiviti harian masa kini melibatkan penggunaan teknologi, sama ada dalam urusan seharian, pekerjaan mahupun pembelajaran (Chai Nyun Chow, 2020). Dalam konteks ini, ucapan menggunakan variasi bahasa bagi membentuk idea, menyampaikan pendapat dan mempengaruhi khalayak. Ucapan yang berimpak tinggi lazimnya mempunyai struktur maklumat yang teratur serta penyampaian yang berseni dan berkesan (Muhammad Faizul Abd Hamid dan Harishon Radzi, 2020). Dalam erti lain, ucapan sama ada secara lisan mahupun ucapan yang ditulis seperti buku yang dikaji ini memainkan peranan penting untuk meyakinkan pendengar dan pembaca memahami konteks dan seterusnya yakin dengan kandungan yang disampaikan.

Bidang politik merupakan elemen penting dalam sesebuah negara bagi menjamin keamanan, keselamatan dan kestabilan masyarakat serta memastikan rakyat dapat hidup dalam suasana aman tanpa konflik (Mohd Syafiq dan Yabit Alas, 2023). Perbincangan tentang politik lazimnya berkait rapat dengan kewujudan pelbagai parti politik yang berasaskan perbezaan bangsa dan agama. Parti politik ditakrifkan sebagai sebuah organisasi tetap yang berhasrat memperoleh dan mengekalkan kuasa pemerintahan melalui kerjasama politik dengan parti lain demi kestabilan politik. Menurut Bergman (2021), kerjasama ini berlaku kerana tiada parti yang mampu bergerak secara bersendirian tanpa sokongan pihak lain. Politik juga merupakan satu proses gabungan dua atau lebih parti bagi membentuk kekuatan pemerintahan dan terus menjadi isu perbincangan masyarakat sejak sekian lama (Ilyas Abdullah, 2021). Umumnya, politik bersifat subjektif dan memerlukan penelitian yang mendalam kerana pemahamannya tidak dapat diperolehi dalam tempoh singkat (Ahmad Rizal Mohd Yusof et al., 2021). Dalam perkembangan semasa, bidang politik turut memanfaatkan kemajuan teknologi sebagai medium perhubungan antara kerajaan dan masyarakat, sekali gus membentuk solidariti sosial. Politik berfungsi sebagai penghubung utama antara pemerintah dan rakyat bagi menjamin keharmonian serta kesejahteraan hidup bermasyarakat (Chai Nyun Chow, 2020). Justeru, peranan retorik dalam penyampaian maklumat oleh seseorang ahli politik perlu mengambil kira kesesuaian retorik.

Selain itu, kajian berkaitan dengan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) yang turut digunakan dalam kajian ini ialah kajian bertajuk Analisis Bahasa Dalam Iklan Media Sosial oleh Sarah Daniel Jacob dan Nur Atikah A. Rahman (2022). Kajian ini bertujuan mengisi jurang penyelidikan terdahulu berkaitan tahap penggunaan bahasa pengiklanan oleh pengiklan Malaysia di media sosial. Berdasarkan sorotan literatur, pelbagai jenis dan tahap bahasa pengiklanan dikenal pasti digunakan oleh pihak pengeluar atau syarikat yang menawarkan perkhidmatan termasuklah jualan produk untuk menarik perhatian serta mempengaruhi persepsi pengguna terhadap produk. Kajian ini melibatkan temu bual mendalam bersama pengguna Milo dan analisis iklan media sosial produk tersebut. Analisis dijalankan berdasarkan enam tahap bahasa pengiklanan iaitu fonologi, leksikal, sintaksis, semantik, pragmatik dan gaya seperti yang diuraikan oleh Vaishali (2016) dalam kajiannya. Pendekatan kualitatif yang digunakan merangkumi temu bual mendalam dan analisis kandungan dengan melibatkan lapan orang responden berumur antara 20 hingga 30 tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengguna lebih tertarik kepada aspek fonologikal, leksikal dan

pragmatik kerana tahap-tahap ini lebih pantas menarik perhatian khalayak. Maka, kajian ini relevan untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada rujukan kerana meneliti kandungan sesuatu yang diterbitkan atau dihasilkan.

Kajian seterusnya ialah Pengaplikasian Teori Retorik Moden Dalam Penyampaian Ceramah Ustaz Kazim Elias oleh Dewi Hj Samri (2022) yang bertujuan mengenal pasti jenis retorik serta meneliti tujuan dan kepentingan setiap bentuk retorik yang digunakan. Kajian ini menggunakan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) sebagai kerangka analisis utama bagi menghuraikan penggunaan frasa berdasarkan konteks. Kaedah kajian melibatkan penggunaan sumber sekunder melalui kaedah kepustakaan dan analisis data secara kualitatif. Bahan rujukan seperti buku, jurnal, kajian lepas dan laman web yang mempunyai kesahan tinggi telah digunakan. Hasil analisis mendapati ceramah Ustaz Kazim Elias memanfaatkan pelbagai bentuk retorik, iaitu pendedahan (31%), penghujahan (5%), penerangan (19%), penceritaan (37%) dan pemujukan (8%). Jenis-jenis retorik tersebut digunakan secara menyeluruh untuk memastikan kandungan ceramah yang disampaikan dapat difahami dan kuasai oleh pendengar mahupun pembaca.

Selain itu, kajian bertajuk Retorik Visual sebagai Medium Komunikasi Iklan Pesanan Khidmat Masyarakat: Persepsi Pelajar dan Pereka oleh Mulyati binti Mat Alim et al. (2019) bertujuan mengenal pasti penggunaan retorik visual dalam iklan khidmat masyarakat alam sekitar di Malaysia serta persepsi khalayak terhadap iklan tersebut. Kajian ini menggunakan tiga iklan khidmat masyarakat alam sekitar sebagai bahan analisis dan menerapkan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes dan analisis pengkaryaan. Seramai empat pelajar universiti dalam bidang pengiklanan dan empat pereka grafik ditemu bual sebagai responden kajian. Data dianalisis secara deskriptif melalui tiga peringkat iaitu deskriptif, interpretasi dan penilaian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa retorik visual memainkan peranan signifikan dalam menyampaikan mesej khidmat masyarakat dengan berkesan. Walaupun kandungan leksikal atay wacana agak terhad dalam visual yang dipaparkan namun, masih boleh difahami oleh masyarakat. Maka, berlandaskan kajian lepas ini, pengkaji turut menganalisis kandungan visual yang terdapat dalam buku 5 Tahun Juanda Jaya.

Antara lain, kajian bertajuk Penggunaan Bahasa Retorik dalam Pewahanaan Informasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam oleh Dewi Hj Samri dan Haziq Aisha (2021) yang berlandaskan Teori Retorik Moden Enos dan Brown (1993) turut dirujuk dalam kajian ini. Kajian tersebut meneliti penanda serta fungsi bahasa retorik dalam wacana rasmi Kementerian Kesihatan berkaitan penularan COVID-19. Sebanyak 20 komunikasi rasmi dianalisis menggunakan data daripada sumber sekunder seperti artikel, buku dan penulisan akademik. Dapatan kajian menunjukkan empat daripada lima jenis retorik moden dikenal pasti, iaitu retorik pendedahan, penerangan, pemujukan dan penghujahan digunakan secara meluas dalam kandungan tersebut. Retorik pendedahan merupakan teknik paling dominan dengan 34% petikan, diikuti retorik pemujukan (33%), penerangan (30%) dan penghujahan (3%), sekali gus membuktikan kepentingan retorik pendedahan dalam penyampaian maklumat kesihatan awam.

Kajian berkaitan Retorik Naratif dalam Novel bertajuk Orang Kota Bharu oleh Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2016) yang bertujuan mengenal pasti bentuk retorik serta elemen retorik yang digunakan oleh pengarang turut dirujuk dalam kajian ini. Kajian yang menggunakan Teori Retorik Moden Enos dan Brown (1993) tersebut menghuraikan maksud frasa yang bersifat halus. Hasil kajian mendapati pengarang menekankan penggunaan retorik naratif untuk menyampaikan idea dan mesej. Novel ini mengangkat pelbagai cabaran politik, ekonomi, agama dan sosial masyarakat Kota Bharu pascakemerdekaan. Penggunaan bahasa kiasan seperti metafora, anafora, pengulangan, epifora, simile, personifikasi, hiperbola dan hibrida menjadikan bahasa novel tersebut bersifat halus, mendalam dan bermakna. Walau bagaimanapun, elemen tersebut memerlukan penghayatan dan pengamatan yang lebih mendalam untuk memahami retorik yang digunakan dalam menyampaikan naratif jalan cerita.

Kajian Teknik Retorik dalam Novel Salina Karya A. Samad Said oleh Asrul Azuan Mat Dehan dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2015) pula memfokuskan analisis teknik retorik serta kekerapan penggunaannya.

Kajian deskriptif ini berlandaskan Teori Retorik Moden Enos dan Brown (1993) dengan menggunakan kaedah analisis dokumen menganalisis teks secara tekstual dan kontekstual melalui teknik analisis kandungan yang meneliti mesej secara sistematik berdasarkan kategori yang ditetapkan. Persampelan sistematik turut digunakan dalam kajian ini dan mendapati kajian menunjukkan bahawa retorik penceritaan paling kerap digunakan sebanyak 33 kali, diikuti retorik penerangan dan penghujahan masing-masing sebanyak 30 dan 15 kali, manakala retorik pendedahan digunakan sebanyak 14 kali dan retorik pemujukan mencatatkan kekerapan paling rendah iaitu lapan kali.

Maka, kajian-kajian lepas jelas membuktikan bahawa retorik memberi impak besar dalam menyampaikan sesuatu maklumat atau jalan cerita sama ada secara lisan mahupun tulisan termasuklah visual. Berdasarkan kajian lepas juga dapat dikatakan bidang retorik banyak dikaji dalam karya kreatif seperti novel, filem, iklan, blog dan sebagainya bagi membuktikan bahawa elemen retorik berupaya membentuk persepi terhadap pembaca, pendengar mahupun penonton. Justeru, relevanlah kajian ini untuk dibincangkan secara mendalam bagi membuktikan elemen penulisan dan visual dalam buku 5 Tahun Juanda Jaya memberi impak dalam memberi maklumat kepada penduduk di kawasan DUN beliau.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif berbentuk deskriptif digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan jenis retorik dalam buku 5 Tahun Juanda Jaya sebagai ADUN bagi DUN N.44 Jemoreng. YB Dato' Mursyid Diraja Dr. Juanda Jaya merupakan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan N. 44 Jemoreng. Buku beliau bertajuk 5 Tahun Juanda Jaya diterbitkan pada tahun 2021 selepas 5 tahun beliau bergelar Ahli Dewan Undangan Negeri dan menjalankan perkhidmatan beliau sebagai ahli politik. Kandungan buku tersebut mengandungi sembilan bab yang memperincikan kejayaan beliau sepanjang bergelar ahli politik. Kaedah analisis dokumen ini memanfaatkan keseluruhan kandungan buku tersebut termasuk penulisan dan visual yang terkandung dalam mewartakan kejayaan beliau sepanjang berkhidmat sebagai ADUN dalam buku tersebut. Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) dijadikan sandaran untuk mengenal pasti dan sekali gus menganalisis lima jenis retorik yang terangkum dalam teori berkenaan iaitu retorik pendedahan, penghujahan, penerangan, penceritaan dan pemujukan. Kelima-lima jenis retorik berkenaan dibincangkan secara terperinci dalam huraian berikutnya.

3.1 Teori retorik model Enos dan Brown (1993)

Teori Retorik Model Enos dan Brown (1993) merupakan satu kerangka analisis retorik moden yang menekankan hubungan dinamik antara pengucap, mesej dan khalayak dalam proses komunikasi persuasif. Model ini dibangunkan berasaskan pemahaman bahawa retorik bukan sekadar teknik penggunaan bahasa, tetapi satu strategi komunikasi yang terancang dan berorientasikan matlamat, khususnya dalam wacana awam seperti politik, pendidikan dan sosial. Enos dan Brown melihat retorik sebagai proses yang berlapis dan kontekstual, di mana keberkesanan mesej bergantung pada keupayaan pengucap menyesuaikan wacana dengan situasi, latar sosiobudaya serta jangkauan audiens atau pembaca amhupun pendengar. Antara komponen utama dalam Model Enos dan Brown ialah konteks, tujuan, strategi bahasa dan kesan terhadap audiens. Konteks merujuk kepada keadaan sosial, politik atau budaya yang melingkari sesuatu ujaran. Menurut Enos dan Brown, konteks memainkan peranan penting dalam menentukan bentuk retorik yang sesuai kerana mesej yang sama boleh ditafsir secara berbeza dalam situasi yang berlainan. Tujuan pula merangkumi niat pengucap sama ada untuk memujuk, mempengaruhi, meyakinkan atau membina persefahaman. Kejelasan tujuan ini akan menentukan pilihan strategi retorik yang digunakan.

Dari aspek strategi bahasa, Model Enos dan Brown turut menekankan penggunaan elemen retorik seperti pemilihan leksikal, struktur ayat, metafora, analogi serta gaya penyampaian yang berkesan. Strategi ini berfungsi untuk membina kredibiliti pengucap (*ethos*), merangsang emosi audiens (*pathos*) dan menyokong hujah secara logik (*logos*). Dalam konteks ini, model tersebut mempunyai kesinambungan

dengan teori retorik klasik Aristotle, namun diperkaya dengan pendekatan analisis wacana kontemporari. Selain itu, Enos dan Brown turut menekankan kesan retorik sebagai indikator utama keberkesanan komunikasi. Kesan ini dapat dilihat melalui perubahan sikap, pemikiran atau tindakan audiens selepas pendedahan kepada sesuatu wacana. Oleh itu, analisis retorik berdasarkan model ini tidak terhad kepada teks semata-mata, tetapi turut mengambil kira respons dan penerimaan khalayak. Secara keseluruhan, Teori Retorik Model Enos dan Brown (1993) menyediakan satu kerangka yang komprehensif dan sistematik untuk menilai peranan dan komponen bahasa yang digunakan secara strategik bagi mencapai tujuan komunikasi dalam pelbagai domain wacana, khususnya wacana politik dan awam.

4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, buku 5 Tahun Juanda Jaya menunjukkan bahawa kelima-lima jenis retorik yang terkandung dalam Teori retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) telah digunakan untuk meyakinkan, mempengaruhi dan menarik perhatian masyarakat khususnya di DUN N.44 Jemoreng berkaitan kejayaan dan pembangunan yang telah beliau bawa ke kawasan DUN berkenaan. Justeru, perbincangan seterusnya akan memperincikan lima jenis retorik yang digunakan dalam buku berkenaan.

Jadual 1 Retorik Penceritaan

| Data | Halaman |
|---|---------|
| Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya telah tamat belajar di Universiti Al-Azhar pada tahun 1995. Beliau Kembali ke Sarawak dan bertugas di agensi-agensi Islam Sarawak seperti di Pertubuhan HIKMAH, Jabatan Mufti Negeri Sarawak dan Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak selama 20 tahun. Semasa Perkhidmatan beliau dalam Perkhidmatan Awam Sarawak, beliau telah menamatkan pengajian Ijazah PhD di UKM. Pada tahun 2009, beliau dipinjamkan oleh Kerajaan Sarawak selama 6 tahun sebagai Mufti Perlis setelah beliau dijemput oleh Pihak Istana Perlis. Ketika berlaku transisi pertukaran Ketua Menteri Sarawak daripada TYT Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud kepada Almarhum Pehin Sri Adenan Satem, beliau telah diminta Kembali berkhidmat di Sarawak oleh TYT Tun dan Pehin Sri Adenan Satem. Akhirnya, sewaktu Pilihan Raya Negeri Sarawak pada tahun 2016, kepimpinan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) telah meminta beliau untuk menceburi politik secara sepenuh masa bagi turut serta dalam kepimpinan politik di Sarawak dan berkhidmat kepada rakyat dengan bertanding di DUN N.44 Jemoreng. | 3 |

Jadual 1 menunjukkan penggunaan retorik penceritaan. Contoh retorik penceritaan yang digunakan berbentuk autobiografi yang memperlihatkan kronologi kerjaya Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya secara teliti dan teratur. Penceritaan ini dimulakan dengan menceritakan tahun tamat pengajian Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya di Universiti al-Azhar dan kemudian beliau kembali ke Sarawak untuk bertugas di pelbagai agensi Islam selama 20 tahun. Naratif penceritaan ini juga menjelaskan pencapaian akademik beliau yang telah menamatkan pengajian peringkat PhD di UKM dan pada tahun 2009 beliau telah dilantik sebagai Mufti Perlis selama enam tahun. Beliau telah beralih kepada bidang politik sepenuh masa di bawah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) sebagai calon DUN N.44 Jemoreng untuk berkhidmat kepada masyarakat semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak pada tahun 2016. Petikan dalam data 1 ini telah dikenal pasti pada bahagian awal makalah 5 Tahun Juanda Jaya. Penggunaan ayat-ayat pada bahagian ini melibatkan latar masa dan tempat serta peristiwa-peristiwa yang saling berkait. Penceritaan yang menonjolkan kesatuan dan pertautan jalan cerita ini jelas memenuhi prinsip utama retorik penceritaan yang dikemukakan oleh Enos dan Brown (1993). Justeru, retorik ini memainkan peranan penting untuk menceritakan autobiografi atau pengalaman seseorang tokoh secara teratur. Rajah 1 menunjukkan retorik penceritaan menggunakan gambar dalam buku tersebut.



Rajah 1: Retorik Penceritaan
(Sumber: Buku 5 Tahun Juanda Jaya, m/s 14, 2021)

Rajah 1 pula retorik penceritaan dalam bentuk gambar yang turut digunakan dalam buku 5 Tahun Juanda Jaya. Himpunan gambar seperti dalam rajah 1 menceritakan sebahagian daripada aktiviti atau Gerak kerja yang telah dilaksanakan oleh beliau sepanjang 5 tahun menjadi ADUN. Retorik penceritaan berdasarkan gambar dalam buku Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berfungsi sebagai medium komunikasi visual yang memperkukuh penyampaian mesej politik, sosial dan kemasyarakatan. Gambar yang dipaparkan bukan sekadar elemen hiasan, sebaliknya berperanan sebagai teks visual yang mengandungi naratif tersirat berkaitan kepimpinan, khidmat masyarakat, pembangunan dan hubungan antara wakil rakyat dengan rakyat. Melalui pendekatan retorik penceritaan, gambar-gambar ini membentuk satu alur cerita yang tersusun dan berkesan dalam membina makna serta interpretasi khalayak.

Dari sudut retorik, penceritaan visual ini memanfaatkan unsur *ethos*, *pathos* dan *logos*. Unsur *ethos* dizahirkan melalui imej ADUN yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kemasyarakatan seperti turun padang, berinteraksi dengan rakyat dan menyantuni pelbagai lapisan masyarakat. Hal ini membina kredibiliti serta kepercayaan terhadap personaliti dan peranan wakil rakyat tersebut. Sementara itu, *pathos* pula digerakkan melalui ekspresi wajah, suasana dan latar gambar yang mampu membangkitkan emosi simpati, harapan dan kebersamaan dalam kalangan pembaca. Unsur *logos* hadir secara implisit melalui susunan gambar yang menggambarkan kesinambungan tindakan, perancangan dan hasil pembangunan yang dicapai.

Selain itu, retorik penceritaan berasaskan gambar ini turut berfungsi sebagai alat dokumentasi sejarah dan bukti visual terhadap komitmen serta pencapaian ADUN dalam menjalankan amanah. Gambar yang dirakam dan disusun secara naratif membolehkan pembaca membina pemahaman menyeluruh tanpa memerlukan penjelasan verbal yang panjang. Kesannya, mesej politik dapat disampaikan dengan lebih berkesan, santun dan mudah diterima. Secara keseluruhannya, retorik penceritaan melalui gambar dalam buku ADUN merupakan strategi komunikasi yang signifikan kerana ia menggabungkan kekuatan visual dan naratif untuk membentuk persepsi positif, memperkukuh hubungan wakil rakyat dengan masyarakat serta menegaskan peranan kepimpinan dalam konteks demokrasi tempatan.

Jadual 2 Retorik Penghujahan

| Data | Halaman |
|--|---------|
| Tuan Speaker, kewujudan Koridor Pembangunan SCORE yang beribu pejabat di Mukah amat besar ertinya untuk pembangunan kawasan persisir Pantai. Saya mengesyorkan agar liputan kawasan pembangunan yang dibawa oleh pihak RECODA dapat mencakupi kawasan N.44 kerana Igan berada bersebelahan dengan Mukah, maka wajar dari Mukah ia dikembangkan hingga ke Matu. | 17 |

Jadual 2 pula menunjukkan retorik penghujahan. Petikan ini adalah berdasarkan pernyataan Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya berkenaan isu kedudukan pembinaan jambatan merentasi Sungai Igan untuk

kegunaan masyarakat. Frasa “**saya mengesyorkan**” menunjukkan penulis dengan jelas telah memberi cadangan dalam hujahnya. Cadangan tersebut juga disokong dengan alasan yang relevan seperti huraian lokasi-lokasi yang terlibat. Selain itu, penggunaan frasa “**maka wajar**” dalam ujaran tersebut juga jelas memperlihatkan perkaitan antara sebab dan akibat yang menepati ciri-ciri retorik penghujahan untuk mempengaruhi khalayak. Penggunaan retorik penghujahan sering digunakan oleh penutur untuk membuktikan cadangan atau pendapat mereka (Julaina & Nurfatimah Izzati, 2024). Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan retorik ini menunjukkan hujah yang bernas oleh Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya bagi membuktikan kepentingan isu kedudukan pembangunan jambatan untuk menghubungkan kawasan Mukah terutama Igan dan Matu agar kesejahteraan rakyat di negeri Sarawak dapat ditingkatkan.

Jadual 3 Retorik Pemerian

| Data | Halaman |
|--|---------|
| Lebih perit lagi, masalah bekalan air paip yang sepatutnya mengeluarkan air bersih yang selamat untuk digunakan, tetapi malangnya keluar air berwarna kuning dan berkeladak . | 16 |

Jadual 3 memperlihatkan penggunaan retorik pemerian oleh Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya dalam ujarannya berkenaan masalah bekalan air di sesetengah kawasan di negeri Sarawak. Frasa “**air berwarna kuning dan berkeladak**” jelas menunjukkan penutur cuba membentuk gambaran yang jelas dalam minda pembaca atau pendengar. Gaya bahasa ini melibatkan penerangan secara realistik yang dapat difahamkan lebih mendalam oleh khalayak ramai (Muhammad Faris Akram & Azean Idruwani, 2024). Justeru, penggunaan retorik pemerian oleh Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya dalam hujahnya mampu memberi maklumat lebih terperinci untuk pendengar atau pembaca berdasarkan gambaran realistik berkenaan masalah yang dihadapi oleh sesetengah masyarakat di negeri Sarawak. Retorik penceritaan ini diperkukuhkan lagi dengan retorik berdasarkan rajah 2.



Rajah 2: Keadaan paip Air
(Sumber: Buku 5 Tahun Juanda Jaya, m/s 53, 2021)

Rajah 2 menunjukkan pemerian keadaan paip air akibat daripada sumber air yang tidak bersih disalurkan kepada rakyat di kawasan belia. Gambar yang digunakan dalam gambar tersebut jelas memerikan keadaan sebenar kesan dan akibat terhadap alat tersebut dan sekali gus bertujuan untuk meyakinkan semua pihak keperluan memberi dana bagi menambah baik perkhidmatan berkaitan. Gambar-gambar tersebut memaparkan keadaan fizikal infrastruktur yang uzur, berkarat, bocor serta air yang kelihatan keruh dan tercemar. Pemerian visual ini tidak memerlukan huraian verbal yang panjang kerana sifatnya yang nyata dan konkrit sudah cukup untuk membina kefahaman serta kesedaran pembaca terhadap masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Melalui retorik pemerian, YB menggunakan medium gambar sebagai bukti visual bagi mengesahkan realiti di lapangan. Keadaan paip yang rosak dan saluran air yang tidak terurus digambarkan secara terperinci, sekali gus menonjolkan implikasi langsung terhadap kehidupan rakyat, seperti risiko kesihatan, ketidakselesaan harian dan ketidakadilan dalam akses kepada perkhidmatan

asas. Pendekatan ini menguatkan unsur *logos* kerana gambar berfungsi sebagai data empirikal yang menyokong hujah tentang keperluan pembaikan dan penambahbaikan sistem bekalan air.

Pada masa yang sama, unsur *pathos* turut digerakkan melalui pemerian visual penderitaan rakyat yang terpaksa menggunakan air kotor untuk keperluan seharian. Keadaan ini membangkitkan rasa simpati, empati dan keprihatinan pembaca terhadap nasib penduduk di kawasan tersebut. Unsur *ethos* pula terserlah apabila YB menzahirkan dirinya sebagai wakil rakyat yang peka, bertanggungjawab dan berani mendedahkan kelemahan infrastruktur demi kepentingan umum. Secara keseluruhannya, retorik pemerian melalui gambar paip dan saluran air yang rosak bukan sahaja berfungsi sebagai pendedahan masalah, malah menjadi alat persuasi yang berkesan untuk meyakinkan pembaca tentang keperluan mendesak memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Pendekatan ini menegaskan bahawa kebajikan rakyat dan penyediaan kemudahan asas merupakan amanah utama dalam kepimpinan dan tadbir urus yang berkesan.

Jadual 4 Retorik Pemujukan

| Data | Halaman |
|---|---------|
| Namun begitu, agensi kerajaan yang lain seperti LCDA dan SEDC, tolonglah turun tangan untuk bawa pembangunan ke kawasan luar bandar, seperti kawasan saya. Tolonglah saya buat <i>shoplot</i> di Pekan Matu dan Igan. Bukan banyak pun, Bukan rugi pun, Janganlah asyik memikirkan pulangan untung berlipat kali ganda sahaja. Saya fikir semua agensi ini diwujudkan oleh kerajaan adalah untuk membantu rakyat tidak kira rakyat di bandar atau luar bandar. | 233 |

Jadual 4 menunjukkan contoh retorik pemujukan yang terkandung dalam buku 5 Tahun Juanda Jaya. Retorik pemujukan terdiri daripada dua jenis iaitu pemujukan rasional atau tidak rasional. Petikan dalam rajah 4 ialah pemujukan tidak rasional kerana mengandungi unsur rayuan dan gaya bahasa yang dapat membangkitkan emosi khalayak untuk bersetuju dengan cadangan penutur. Unsur pemujukan yang ketara dalam ujaran ini dapat dikenal pasti melalui perkataan “**tolonglah**” dan “**jangannah**”. Penutur melakukan pengulangan kata “**tolonglah**” dalam ujarannya bagi memperlihatkan keseriusan mereka dalam mempengaruhi khalayak bertindak mengikut cadangannya. Penggunaan partikel “**-lah**” juga dapat menciptakan suasana komunikasi yang lebih santai dan positif sekali gus menyampaikan sesuatu mesej itu secara lebih emosional (Julaina & Nurfatihah Izzati, 2024). Oleh itu, jelaslah bahawa retorik pemujukan tidak rasional ini mementingkan unsur emosi dan bersifat peribadi untuk memujuk khalayak bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan.

Jadual 5 Retorik Pendedahan

| Data | Halaman |
|---|---------|
| Untuk maklumat Yang Berhormat bagi Jemoreng, apabila siapnya projek tersebut, Matu dan kawasan sekitarnya akan mempunyai dua sumber bekalan elektrik. Sumber utama bekalan adalah dari pencawang 132kV di Daro yang baru, manakala talian 33kV dari pencawang 132kV Petian yang sedia ada akan menjadi sumber bekalan sandaran atau pun backup atau supply untuk kawasan tersebut. | 227 |

Jadual 5 memperlihatkan penggunaan retorik pendedahan yang jelas. Hal ini demikian kerana, Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya dengan jelas dan teratur menerangkan maklumat-maklumat berkenaan pembinaan pencawang bagi menangani masalah bekalan elektrik yang terputus di kawasan Matu. Penggunaan frasa “**untuk maklumat**” telah menguatkan lagi ciri retorik pendedahan dalam ujaran ini. Frasa ini berfungsi sebagai penanda penutur ingin mula berkongsi maklumat kepada pendengar berkenaan situasi bekalan elektrik yang dihadapi oleh sesetengah masyarakat di negeri Sarawak. Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan gaya bahasa ini bertujuan untuk memindahkan maklumat supaya pendengar atau khalayak memahami sesuatu situasi itu lebih baik. Rajah 3



Rajah 3: Sumber Air
(Sumber: Buku 5 Tahun Juanda Jaya, m/s 68, 2021)

Rajah 3 pula memaparkan keadaan sumber air yang memerlukan sejumlah dana bagi menampung proses menambah baik sumber berkenaan agar mampu memberi kemudahan kepada rakyat di bawah beliau. Pendedahan yang dibuat melalui gambar seumpama ini mampu menjelaskan dengan lebih terperinci keadaan semasa dan keperluan memberi dana kepada kawasan di bawah pimpinan beliau. Gambar-gambar tersebut jelas mendedahkan keadaan sebenar yang jika hanya disampaikan melalui lisan atau penulisan, ia tidak memberi gambaran jelas situasi di lapangan. Retorik pendedahan berperanan sebagai strategi komunikasi yang menyingkap realiti tersembunyi berkaitan isu sumber air yang tidak sesuai untuk disalurkan kepada rakyat di kawasan DUN. YB Juanda Jaya. Melalui pendekatan ini, isu yang sebelum ini mungkin terpinggir atau tidak diketahui umum didedahkan secara jelas, berfakta dan berasaskan bukti bagi membina kesedaran serta kefahaman masyarakat. Pendedahan terhadap keadaan sumber air yang tercemar, tidak dirawat dengan sempurna atau tidak memenuhi piawaian kesihatan awam menonjolkan kepentingan ketelusan dalam tadbir urus perkhidmatan asas.

Dalam konteks retorik, pendedahan ini berfungsi untuk menegaskan unsur logos melalui penyampaian fakta, pemerhatian lapangan dan bukti visual yang menunjukkan kualiti air yang tidak sesuai digunakan. Air yang keruh, berbau atau mengandungi mendapan menjadi simbol kegagalan sistem pengurusan sumber air yang sepatutnya menjamin kesejahteraan rakyat. Penyampaian maklumat secara terus dan tidak berselindung ini membolehkan pembaca memahami isu secara rasional serta menilai implikasi jangka pendek dan jangka panjang terhadap kesihatan dan kehidupan seharian penduduk. Pada masa yang sama, retorik pendedahan turut menggerakkan unsur pathos apabila pembaca didedahkan kepada risiko yang terpaksa ditanggung oleh rakyat akibat penggunaan sumber air yang tidak selamat. Pendedahan ini membangkitkan rasa kebimbangan, empati dan keprihatinan terhadap nasib komuniti setempat. Unsur ethos pula terserlah apabila YB Juanda Jaya dipaparkan sebagai pemimpin yang bertanggungjawab dan berani mendedahkan kelemahan demi mempertahankan hak rakyat terhadap bekalan air bersih.

Secara keseluruhannya, retorik pendedahan melalui gambar seumpama sangat berfungsi sebagai alat advokasi yang berkesan dalam menyampaikan sesuatu kepada masyarakat. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran awam, malah menegaskan keperluan tindakan segera dan komitmen berterusan dalam memastikan penyediaan perkhidmatan air yang selamat, adil dan berkualiti demi kesejahteraan masyarakat di kawasan pimpinan YB Juanda Jaya.

Maka, dapatlah dikatakan bahawa dalam buku 5 Tahun Juanda Jaya pelbagai retorik digunakan bagi menjelaskan dan mendedahkan serta memperincikan keadaan sebelum dan selepas berlakunya anjakan dari

segi pembangunan dan kemajuan yang telah dilaksanakan dalam kawasan pentadbiran beliau. Walaupun kajian ini hanya menjurus terhadap retorik berdasarkan analisis pernyataan ayat, namun retorik yang merujuk rajah atau gambar juga boleh dianalisis dalam kajian lanjutan kelak sebagai membuktikan kepelbagaian jenis retorik yang digunakan Juanda Jaya dalam bukunya untuk menyakinkan rakyat terutamanya akan kredibiliti beliau dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab di kawasan pentadbirannya. Dalam erti lain, retorik berfungsi sebagai sebahagian daripada seni asas dalam memberi pengaruh atau impak kepada penonton, pendengar, pembaca mahupun khalayak ramai melalui ucapan, penyampaian atau penulisan seseorang (Najihah, Noor Saadah & Mohamad Nik Mat (2025) untuk percaya, akur dan seterusnya digunakan oleh khalayak dalam menyampaikan naratif berkaitan sesuatu isu.

5. KESIMPULAN

Kesimpulannya, jenis-jenis retorik yang dikemukakan oleh Enos dan Brown (1993) dalam konteks buku 5 Tahun Juanda Jaya dimanfaatkan sepenuhnya untuk meyakinkan rakyat khususnya berkaitan kejayaan seseorang wakil rakyat. Malah, jenis-jenis retorik yang digunakan dalam menyampaikan hujah dan mempengaruhi khalayak juga amat bergantung kepada keupayaan untuk mengaplikasikan tiga aspek utama dalam bidang retorik iaitu *ethos* berkaitan dengan kredibiliti dan integriti peribadi, *pathos* berkaitan dengan emosi dan empati terhadap audiens dan *logos* merangkumi aspek rasional dan hujah yang berfakta. Lantas, gabungan ketiga-tiga unsur ini bukan sahaja memperkukuh daya tarikan kandungan buku 5 Tahun Juanda Jaya, malah mampu meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kewibawaan serta kemampuan beliau dalam mewakili suara masyarakat termasuklah membawa kemajuan yang seiring dan senada dengan kehendak serta keperluan masyarakat setempat sebagaimana yang terkandung dalam buku berkenaan.

Secara keseluruhannya, penggunaan retorik oleh Juanda Jaya dalam buku 5 Tahun Juanda Jaya memperlihatkan keupayaan wacana politik yang tersusun, strategik dan berkesan dalam membina kefahaman serta kepercayaan khalayak. Retorik yang diaplikasikan bukan sekadar berfungsi sebagai alat penyampaian maklumat, malah berperanan sebagai medium pembentukan imej kepimpinan, legitimasi tindakan serta peneguhan hubungan antara pemimpin dan masyarakat. Melalui penceritaan pengalaman pentadbiran, penghujahan berasaskan fakta, serta penerangan yang sistematik, Juanda Jaya berjaya mengolah naratif politik yang bersifat meyakinkan dan mudah diakses oleh pembaca pelbagai lapisan. Penggunaan retorik pendedahan dan penceritaan khususnya memperlihatkan usaha menampilkan ketelusan serta kejujuran kepimpinan, manakala unsur pemujukan dimanfaatkan secara halus bagi membentuk sokongan dan persepsi positif terhadap dasar serta pencapaian yang diketengahkan.

Selain itu, dapatan ini turut menunjukkan bahawa retorik dalam 5 Tahun Juanda Jaya tidak digunakan secara berlebihan atau bersifat manipulatif, sebaliknya disesuaikan dengan konteks sosial, budaya dan keperluan masyarakat setempat. Pendekatan ini mencerminkan kefahaman penulis terhadap peranan bahasa sebagai wahana komunikasi politik yang beretika dan bertanggungjawab. Retorik yang digunakan berfungsi untuk mengimbangi antara penyampaian fakta, pembinaan emosi dan penegasan nilai, sekali gus menjadikan teks tersebut bukan sahaja sebagai dokumentasi pencapaian, tetapi juga sebagai wacana kepimpinan yang mendidik dan mempengaruhi. Kesimpulannya, penggunaan retorik oleh Juanda Jaya dalam buku ini membuktikan bahawa retorik moden merupakan elemen penting dalam penulisan politik kontemporari kerana ia berupaya memperkukuh mesej, meningkatkan kredibiliti penulis serta mengukuhkan hubungan komunikasi antara pemimpin dan rakyat secara berkesan dan berhemah.

6. PENGHARGAAN

Kajian ini secara dasarnya, tidak dibiayai oleh mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, kertas prosiding berkaitan tajuk ini telah dibentang dalam sebuah persidangan pada tahun 2025 dan yuran telah dibiayai oleh Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam, Selangor.

7. KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa kajian ini tiada konflik kepentingan.

8. SUMBANGAN PARA PENULIS

Mohamad Nik Mat Pelet: Penyediaan Data, Penulisan Draf, Pengurusan Data. **Norita Harijaman:** Pengurusan data, Penyelidikan, Penulisan draf. **Juliana Damsik:** Metodologi, Penyelidikan. **Nurul Nadia Samud:** Analisis Formal, Rujukan, Penyelidikan. **Adib Zakwan Al Qayyum Shahbuddin:** Analisis Formal, Semakan dan Penyuntingan.

9. RUJUKAN

- Abd Hamid, M., Abdul Jabar, M., Che Rodi, R., & Ab. Halim, A. (2022). Strategi retorik dalam teks perutusan khas perintah kawalan pergerakan (PKP) untuk membendung wabak Covid-19 di Malaysia. *Persatuan Jurnal Linguistik*, 26 (2), 038-051. Retrieved from <https://ejurnal.plm.org.my/index.php/jurnallinguistik/article/view/251/181>
- Aminnudin Saimon, Lisa Licson, Nur Aisyah Mohamad taufek, Siti hajar Japar & Siti Nor Asmira Razali. (2021). Lakukan bahasa arahan dalam teks ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *PENDETA*, 12(1), 63-78. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.5.2021>
- Asrul Azuan Mat Dehan, & Hajah Nur Azuwan Yaakob. (2015). Teknik retorik dalam novel Salina karya A. Samad Said. *International Journal Of Language Education and Applied Linguistics*, 12.
- Chow, C. N. (2020). Penggunaan retorik dalam ucapan politik Tun Mahathir bin Mohamad pasca kemenangan pakatan Harapan. *Fakulti Bahasa Dan Komunikasi*, 76.
- Dewi Samri & Haziq Aisha. (2021). Penggunaan bahasa retorik dalam pewahana informasi Covid-19 di Negara Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 21(2), 95-117.
- Farah Hanini Abdul Rahman & Lee Ai Chat. (2025). Strategi Retorik dalam Blog Pempengaruh Ben Ashaari: Rhetorical Strategies in Influencer Ben Ashaari's Blog. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 9 (3).
- Ilyas Abdullah. (2021). Perpaduan dan krisis politik Melayu: Satu analisis. *Journal of Administrative Science* Vol.18, Issue 1, 2021, pp. 323 – 333.
- Izzat Amin Bin Mohd Nasir dan Raihan Binti Ahmad. (2022). Pengucapan umum. Politeknik Tuanku Sultan Bahiyah.
- Julaina Nopiah dan Nurfatimah Izzati Samarrudin. (2024). Penggunaan gaya Bahasa Retorik dalam pelaporan Berita politik di berita televisyen. *PENDETA, Journal of Malay Language, Education and Literature*, 15 (2), 37-51.
- Khairul Firhan dan Asyura Abd Nassir. (2024). Perbandingan gerakan retorik abstrak makalah berbahasa melayu terbitan jurnal berimpak tinggi dan tidak berimpak. *Gading Journal for Social Sciences*, 27 (Special Issue KONAKA), 66-78.
- Mohd Syafiq Mohd Zunaidi & Yabit Alas. (2023). Penggunaan retorik dalam pengucapan ahli parlimen malaysia Syed Saddiq semasa Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia ke 15. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 1 (1), 48-68.
- Muhammad Faris Akram Rustu & Azean Idruwani Idrus. (2024). Penggunaan retorik dalam lirik lagu Teman Pengganti Karya Malique. *Jurnal Kesidang* 9 (1), 64-74.
- Muhammad Faizul Abd Hamid dan Harishon Radzi. (2020). Struktur tema dalam manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum Ke-14. *Urnal Linguistik* Vol. 24 (1), 109-125.
- Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media cetak. *Jurnal Linguistik*, 20 (1), 10-25.

- Najihah Abdul Wahid, Noor Saadah Salleh & Mohamad Nik Mat Pelet. (2025). Penggunaan kaedah retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 16(1), 130-144.
- Nurul Nadiah Zamri dan Zulkefli Ain. (2021). Retorik dalam dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 149-158.
- Nurulain Badul Razak, & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik naratif dalam novel "Orang Kota Bharu". *International Journal of Malay World Civilization*
- Sarah Daniel Jacob dan Nur Atikah A. Rahman (2022). Analisis bahasa dalam iklan media sosial di Malaysia, *Jurnal Komunikasi Borneo (JKOB)*, Vol.10 (2022).
- Zamimah Osman. (2015). Strategi dan jenis retorik penulisan makalah penyeldikan dalam jurnal berimpak tinggi. Tesis PhD, Universiti Utara Malaysia.



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

Mengenai Pengarang

Mohamad Nik Mat Pelet, PhD merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. Bidang penyelidikan utama beliau adalah Pendidikan Bahasa Melayu, Linguistik Melayu dan Tatabahasa Bahasa Melayu. Beliau juga telah banyak menerbitkan artikel dan aktif membentang dapatan kajiannya di dalam mahupun luar negara.

Norita Harijaman, MA merupakan Pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. Bidang penyelidikan utama beliau adalah Linguistik Melayu, Fonologi dan Fonetik. Beliau juga telah banyak menerbitkan artikel dan aktif membentang dapatan kajiannya di dalam mahupun luar negara.

Juliana Damsik, MA merupakan Pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. Bidang penyelidikan utama beliau adalah Linguistik Melayu dan Terjemahan. Beliau juga telah banyak menerbitkan artikel dan aktif membentang dapatan kajiannya di dalam mahupun luar negara.

Nurul Nadia Samud, MA merupakan Pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. Bidang penyelidikan utama beliau adalah Linguistik Melayu dan Budaya Melayu. Beliau juga telah banyak menerbitkan artikel dan aktif membentang dapatan kajiannya di dalam mahupun luar negara.

Adib Zakwan Al Qayyum Shahbuddin, MA merupakan Pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. Bidang penyelidikan utama beliau adalah Sastera Melayu dan Linguistik Melayu. Beliau juga telah banyak menerbitkan artikel dan aktif membentang dapatan kajiannya di dalam negara mahupun luar negara.